

HUBUNGI SKUAD KUALA NERUS
NURUL HUDA HUSAIN - 019 9391256 / 019 9821480

Usaha penuntut Unisza **berhasil**

Projek tanaman jagung, labu dan rockmelon yang diusahakan beri pulangan

GONG BADAQ - Penuntut Universiti Sultan Zainal Abidin (Unisza) mencipta satu lagi kejayaan apabila tiga jenis tanaman yang ditanam kira-kira tiga bulan lalu bakal dituai selewat-lewatnya pertengahan bulan ini.

Ketiga-tiga jenis tanaman itu adalah jagung manis, labu dan rockmelon yang ditanam penuntut tahun satu dan tiga Ijazah Sarjana Muda Bioteknologi Pertanian sebagai sebahagian daripada kursus pembelajaran.

Ketua Jabatan Agropolis Unisza, Profesor Dr Abdul Jamil Zakaria berkata, projek tanaman di atas tanah seluas 2.5 hektar itu memabitkan 7,100 pokok jagung manis, 600 pokok labu dan beberapa pokok rockmelon.

"Tujuan utama kita memperkenalkan projek ini adalah untuk memberi pendedahan mengenai teknik dan



Sebahagian penuntut Unisza yang terlibat dalam projek tanaman di atas tanah seluas 2.5 hektar bersedia untuk turun berkebun.

penjagaan tanaman yang betul supaya mereka dapat memahirkan diri untuk membuat projek sendiri sebaik tamat belajar nanti.

"Melalui pembelajaran

ini juga memberi peluang kepada mereka menjana idea kreatif dan inovasi dalam mengendalikan serta menyelaras tanaman mereka yang akan dipantau saya sendiri," katanya

ketika ditemui, di sini.

Abdul Jamil berkata, setakat ini pokok labu sudah dituai hasil, manakala pokok jagung manis dan rockmelon masing-masing dijangka di-

tuai selewatnya pertengahan bulan ini.

Katanya, dari segi pasaran, mereka tidak berdepan masalah kerana sejak awal lagi sudah mendapat tempahan daripada

beberapa pihak.

"Hasil jualan nanti akan diisi ke dalam tabung untuk melaksanakan projek seterusnya.

"Kita berharap dengan hasil memuaskan yang diperoleh ini akan memberi lebih rangsangan untuk melaksanakan lebih banyak projek seumpamanya pada masa akan datang," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai teknik tanaman, pihaknya menggunakan baja kompos tinja ayam dan tinja kambing dalam kadar sederhana, selain baja lain dalam kuantiti seimbang untuk pembesaran pokok bagi mendapatkan hasil lebih baik.

"Tanaman ini juga turut menggunakan semburan biofungus iaitu teknik kawalan tanah dan mikroorganisma berkesan (EM) bagi memastikan hasil serta kualiti tanaman adalah organik tanpa ada pengaruh bahan kimia," katanya.